



SIARAN MEDIA

KPKT TERUS KOMITED MEMPERKASAKAN PERANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

IPOH, 12 Mac 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Penutup Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2023 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Ipoh (ICC), Ipoh, Perak hari ini.

Konvensyen yang berlangsung pada 11 hingga 12 Mac 2023 ini adalah anjuran Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) ini bertujuan untuk memperkuuh dan memperkasa peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) disamping memberikan peluang kepada Ahli Majlis untuk bertukar pandangan serta menyumbang idea ke arah menjadikan perkhidmatan PBT lebih dinamik dan progresif.

Konvensyen ini juga merupakan platform perkongsian amalan terbaik (*best practices*) berkaitan penyelesaian isu-isu perbandaran yang inovatif dan kreatif serta medium penyampaian aspirasi Kerajaan Persekutuan terhadap peranan dan tanggung jawab PBT dalam pembangunan masa kini. Ia juga membuka ruang perbincangan merentasi sempadan negeri untuk menyuarakan pandangan dan idea secara konstruktif dalam kalangan PBT berdasarkan kepelbagaiannya pengurusan perkhidmatan perbandaran di kawasan pentadbiran masing-masing.

Pengukuhan tadbir urus PBT perlu diberi keutamaan dan ditransformasikan bagi membangunkan keupayaan organisasi PBT dalam memberi perkhidmatan yang meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pembangunan modal ilmu dan modal insan PBT akan menghasilkan warga PBT yang cekap, dinamik dan mampu menawarkan perkhidmatan yang terbaik.

Bertemakan “Perbandaran MADANI-Rakyat Sejahtera”, konvensyen ini memberi fokus kepada prinsip-prinsip mendaya upaya penyampaian perkhidmatan teras PBT yang MADANI melalui pengukuhan tadbir urus perbandaran, peningkatan keupayaan organisasi serta penerokaan inisiatif pendigitalan dan inovasi baharu bagi meningkatkan kecekapan dan perkhidmatan PBT kepada rakyat.

Komponen utama dalam Konvensyen PBT kali ini adalah seperti Sesi *Mini Lab*, *Industry Stage*, PBT *Stage* iaitu amalan terbaik dari sembilan (9) PBT yang terpilih, Sesi Perbincangan Panel, Ucaptama (*Keynote Address*) dan Sesi *Town Hall* Bersama YBM KPCT dan KSU KPCT melibatkan wakil Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Bandar/ Yang Dipertua/Presiden/Pengerusi/ Pengurus Besar PBT serta Setiausaha dan Pegawai Kanan PBT.

Bersempena dengan majlis ini juga turut diadakan sesi penyampaian anugerah kepada tiga (3) pemenang utama dalam Pertandingan Inovasi MALA 2.0: Piala YB Menteri KPCT sebagai pengiktirafan kepada PBT yang telah mempamerkan tahap tinggi dalam aspek inovasi. Selain itu, pengiktirafan turut diberikan kepada sepuluh (10) PBT yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) yang dilaksanakan pada tahun 2022 melibatkan 153 PBT di seluruh Malaysia.

Majlis turut dihadiri oleh YB Sandrea Ng Shy Ching, EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPCT; YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti); YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekutuan Mampan); YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah JKT; YBhg. Dato' Rumaizi bin Baharin @ Md Daud, Datuk Bandar Ipoh serta Ketua-ketua Jabatan/ Agensi Persekutuan dan Negeri.

Penganjuran Konvensyen ini dijangka dapat memberikan nilai tambah bagi memenuhi aspirasi ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat selaras dengan gagasan Malaysia MADANI.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPCT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPCT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

